

19/03/1997

Kabinet tetap bincang kenyataan Lee

JERANTUT, Selasa - Kabinet tetap akan membuat pendirian berhubung kenyataan negatif Lee Kuan Yew terhadap Johor, walaupun Menteri Kanan Singapura itu sudah meminta maaf dan mahu menarik balik semua perkataan yang memburukkan Johor daripada rekod mahkamah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa kontroversi itu akan dibincangkan dalam mesyuarat mingguan Kabinet esok.

"Kita akan menyatakannya kepada anda selepas mesyuarat Kabinet esok," kata Dr Mahathir yang tersenyum apabila ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan kenyataan Lee petang semalam.

Menjawab soalan pemberita di Kuala Tahan, sebelum berlepas ke Kuala Lumpur selepas lawatan dua hari ke Pahang hari ini, Perdana Menteri berkata beliau diberitahu mengenai langkah terbaru Lee itu, melalui sepucuk surat yang dihantar malam tadi.

Dalam kenyataannya semalam, bekas Perdana Menteri Singapura itu berkata beliau sudah mengarahkan peguamnya, Davinder Singh, mendapatkan kebenaran mahkamah mengeluarkan kata-kata memburuk-burukkan Johor dalam afidavitnya pada 27 Januari lalu yang menyifatkan negeri itu terkenal dengan kejadian 'tembak-menembak, samun dan rampas kereta'.

Afidavit itu dikemukakan dalam perbicaraan saman terhadap pemimpin pembangkang Tang Liang Hong yang melarikan diri ke Johor selepas tewas dalam pilihan raya republik itu baru-baru ini kerana mendakwa beliau menerima ugutan bunuh.

(END)